

# Gerak Kerja PdP-DT FTKMA

## 1. Pengemaskinian Rancangan Pengajaran (Teaching Plan)

- a) Pemurnian RP hanyalah bagi Minggu ke-6 sehingga Minggu ke-14.
- b) Jika hanya melibatkan perubahan SLT (iaitu daripada F2F kepada Online), pemakluman di JKAF, tidak perlu kelulusan.
- c) Jika melibatkan perubahan penilaian kerja kursus (continuous assessment) **tidak termasuk Peperiksaan Akhir**, perlu kelulusan JKAF.
- d) Perubahan kandungan kursus (CO dan PO) adalah **tidak dibenarkan**.
- e) Perubahan RP perlulah dibincang dengan Ketua Program masing-masing.
- f) Pemurnian RP boleh dilakukan bermula 14 Mei - 7 Jun 2020.
- g) Mesyuarat JKAF adalah dicadangkan pada Minggu ke-7 (7 - 12 Jun 2020).

## 2. Penyediaan Soalan Midterm / Test dan Vetting

- a) Sekiranya soalan yang telah di'vet' sebelum ini diubah, soalan tersebut perlu menjalani proses vetting semula.
- b) Pensyarah perlu memaklumkan kepada Ketua Program sekiranya ada perubahan pada soalan Midterm / Test.
- c) Pensyarah kenal pasti dua pensyarah lain (pemeriksa) yang mempunyai kepakaran di dalam kursus tersebut untuk 'vet' soalan baharu.
- d) Pensyarah menghantar soalan baharu dalam format PDF yang dipasang kata laluan (password) untuk dibuka. Kata laluan dihantar kepada pemeriksa menerusi aplikasi Whatsapp.
- e) Pemeriksa memeriksa soalan, dan mengisi komen di dalam Google Form berikut: (<https://bit.ly/ftkma-vetting>)

## 3. Penyediaan Bahan PdP - Dalam Talian

- a) **Video kuliah**  
*Video berdurasi 5 - 10 minit. Video panjang adalah tidak digalakkan. Platform: YouTube dan KALAM.*
- b) **Slaid dalam format PDF**  
*Slaid yang digunakan di dalam video kuliah perlu dimuatnaik di dalam bentuk PDF. Platform: KALAM.*
- c) **Audio kuliah**  
*Selain menyimpan (save) fail video kuliah, fail audio sahaja (audio only) juga perlu disimpan dan dimuatnaik bagi para pelajar yang mempunyai pencapaian tidak stabil dan data terhad. Platform: KALAM.*
- d) **Video tutorial** (menunjukkan cara/kaedah pengiraan)  
*Bagi kursus berbentuk penyelesaian masalah, adalah digalakkan untuk memuatnaik video tutorial cara-cara pengiraan.  
Platform: YouTube dan KALAM.*
- e) **Slaid tutorial** berserta jawapan dalam format PDF  
*Untuk pelajar bercapaian kurang baik dan terhad, soalan tutorial berserta jawapan harus dimuatnaik. Platform: KALAM.*

## 4. Menjalankan Peperiksaan Midterm / Test

- a) Jadual peperiksaan Midterm / Test akan disusun oleh Ketua Program.
- b) Pensyarah mempunyai pilihan untuk menjalankan peperiksaan Midterm / Test secara segerak (synchronous) atau tidak segerak (asynchronous).

- c) Pensyarah diberi kebebasan untuk menggunakan mana-mana pelantar (platform) yang dirasakan sesuai, mengikut kreativiti masing-masing.
- d) Pencapaian pelajar dalam peperiksaan Midterm / Test akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Mid-BOE dan perbandingan pencapaian pelajar dengan semester sebelum ini perlu ditunjukkan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan peperiksaan secara dalam talian.

#### 5. Menjalankan PdP-DT

- a) Kaedah PdP-DT hendaklah disesuaikan mengikut kadar capaian internet pelajar.
- b) Pihak fakulti akan mengedarkan hasil dapatan survey capaian internet pelajar bagi setiap kursus dan seksyen di dalamnya.
- c) Pensyarah harus mengenalpasti para pelajar yang mempunyai capaian internet yang kurang baik di dalam kelas masing-masing.

## Garis Masa Bekerja Dari Rumah (BDR)

Ketika PKPB (27 Mei – 9 Jun 2020) dan seterusnya

Perkara	Garis Masa
1. Pengemaskinian Rancangan Pengajaran.	14/5 – 7/6/2020
2. Penyediaan 50% daripada bahan PdP-DT dan dimuatnaik di pelantar seperti KALAM, UMP Blog, dan sebagainya.	27/5 – 9/6/2020
3. Penyediaan / Vetting Soalan Midterm/Test dan Pelaksanaan Midterm/Test (Minggu 6 – 8).	27/5 – 19/6/2020
4. Penyediaan soalan Peperiksaan Akhir	27/5 – 16/6/2020
5. Vetting soalan Peperiksaan Akhir	17/6/2020
6. Menghantar pembetulan soalan Peperiksaan Akhir	22/6/2020
7. Membentangkan keputusan peperiksaan Midterm/Test di dalam Mid-BOE.	24/6/2020
8. Mempamerkan sekurang-kurangnya 20% markah kerja kursus (Minggu 9).	25/6/2020
9. Mempamerkan markah kerja kursus bagi kursus tanpa Peperiksaan Akhir	29/7/2020
10. Mesyuarat Pre-BOE	27 – 28/8/2020
11. Finalise markah di dalam IMS	1/9/2020
12. Mesyuarat Majlis Peperiksaan Fakulti (BOE)	2/9/2020
13. Mesyuarat Majlis Fakulti	4/9/2020